

NO SOALAN :55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2018

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah harga yang dibayar oleh MKD Signature untuk membeli 51% projek '106 Exchange Tower' daripada Mulia Group. Apakah rasional anak syarikat Kementerian mengambil alih projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menara Exchange 106 merupakan pembangunan pertama di Tun Razak Exchange yang dijangka siap menjelang akhir tahun 2018. Tun Razak Exchange atau TRX merupakan salah sebuah projek strategik yang menjadi tonggak kepada Program Transformasi Ekonomi serta

menjadi sebuah projek yang bertindak sebagai pemangkin ke arah pembangunan Kuala Lumpur yang lebih maju. Pembangunan TRX telah menarik minat pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa seperti Tabung Haji, Affin Bank Berhad, *Lend Lease* (berpusat di Australia), Kumpulan Mulia (berpusat di Indonesia), HSBC Bank (berpusat di United Kingdom), *Prudential Insurance* (berpusat di United Kingdom) dan *China Construction Bank* (berpusat di China).

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Menara Exchange 106 ini akan menjadi pusat kepada hab perbankan dan pusat kewangan global yang terbesar di Malaysia. Setelah pembinaan menara Exchange 106 ini selesai, menara ini akan menjadi struktur ikon ketiga Malaysia, di samping Menara Berkembar PETRONAS (KLCC) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Merdeka 118. Menara Exchange 106 akan menjadi bangunan yang tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 492 meter dan mempunyai 112 tingkat di samping menjadi bangunan yang ke-15 tertinggi di dunia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, sebuah syarikat *Special Purpose Vehicle* (SPV) telah ditubuhkan untuk mengambil alih 51% pegangan saham di dalam Mulia Property Development Sdn Bhd (MPDSB) pada harga asal untuk bersama-sama membangunkan

Menara Exchange 106 tersebut. Penglibatan Kerajaan di dalam pembangunan Menara Exchange 106 adalah demi menjaga kepentingan TRX selaku projek mega Kerajaan selain untuk memastikan pembangunan menara tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan lancar.